

NEWS CLIPPING – PRESS

PR VALUE: RM 13,860.00

Client DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd

Publication Berita Harian

Date Sat, 4 Dec 2021

Section Nasional

Page No(s). 14

Circulation 75,000

Frequency Daily

Headline Isu keselamatan menuntut Kerjasama strategik

Isu keselamatan menuntut kerjasama strategik

Kuala Lumpur: Pandemi COVID-19 meningkatkan ketidakstabilan dalam isu keselamatan global, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zaihudin.

Beliau berkata, ia sekali gus menuntut kerjasama strategik semua negara dalam mendepani cabaran keselamatan moden pada era pandemik.

Katanya, cabaran keselamatan yang semakin meningkat kini tidak memungkinkan sesebuah negara menanganinya secara bersendirian.

Justeru, beliau berkata, isu keselamatan negara menjadi antara keutamaan tumpuan ketika krisis COVID-19 yang meningkatkan ketidakstabilan global dari pelbagai aspek.

“Ketidakstabilan ini boleh menimbulkan banyak ancaman keselamatan yang kompleks seperti radikalisasi dan ekstremisme, serangan siber dan isu keselamatan sempadan.

“Selain itu, ancaman tradisional dan bukan tradisional lain sama ada dalaman mahupun luaran, terus muncul seperti pemerdagangan manusia, jenayah rentas sempadan dan terancang, penyeludupan barangan berbahaya serta cetak rompak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2022 dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2022 yang di-

sempurnakannya bersama Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, isu keselamatan kini semakin kompleks dan menuntut kerjasama strategik pada peringkat global yang menjamin tindak balas transnasional.

“Semua negara perlu bekerjasama menjana pandangan serta penyelesaian jangka panjang, dengan mewujudkan idea kreatif dan dinamik menggunakan kemajuan terkini dalam sains dan teknologi.

“Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat menyokong penganjuran acara seperti DSA dan NATSEC sebagai

antara platform mengadakan kerjasama keselamatan serantau dan peringkat global,” katanya.

DSA 2022 dan NATSEC Asia 2022 akan diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada 28 hingga 31 Mac tahun depan.

Sebanyak 1,170 syarikat pertahanan dan keselamatan dari 54 negara, termasuk Australia, Kanada, China, Amerika Syarikat, Jepun dan Perancis, dijangka menyertainya.

Dalam acara dijalankan secara hibrid itu, 37 negara akan menyertai kumpulan pavilion, selain disertai 350 pegawai delegasi VIP dari 45 negara dan 40,000 pelawat dari 50 negara.